

UiTM iktiraf jasa Presiden Petronas

BEPITA HARIAN

10/11/06.

Nelson Mandela terima Ijazah Doktor Kerajaan dan Politik

Oleh Rafidah Mat Ruzki

SHAH ALAM: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican mendahului 336 graduan Universiti Teknologi Mara (UiTM) menerima Ijazah Doktor Tadbir-Urus Korporat pada Istiadat Konvokesyen ke-65 UiTM di sini semalam.

Mohd Hassan, 54, anak kelahiran Sungai Petani, Kedah, menerima ijazah itu hasil sumbangannya dalam pengurusan syarikat pengeluar minyak dan perakaunan negara.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang perakaunan dengan menyertai firma perakaunan Touche Ross & Co di London sebelum dilantik Pengurus Audit firma itu.

Mohd Hassan yang juga ahli Ins-

titut Akauntan Malaysia dan Persatuan Akauntan Awam Malaysia (Mapca) memulakan kerjaya di Petronas sebagai Naib Presiden Kanan (Kewangan) sebelum dilantik Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas pada 1995.

Beliau pernah menerima anugerah *Commandeur de La Legion D'Honneur* daripada Kerajaan Perancis dan Pingat Persahabatan daripada Kerajaan Vietnam selain anugerah Doktor Kehormat Kejuruteraan daripada Universiti Malaya pada 2001.

Selain Mohd Hassan, UiTM menganugerahkan Ijazah Doktor Kerajaan dan Politik kepada bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela atas sumbangannya memperkasakan insaniah dan pemantapan sosio-ekonomi di negaranya.

Bagaimanapun, Mandela tidak hadir.

Pada sidang pertama istiadat secara berperingkat membabitkan 5,893 graduan itu, tujuh pelajar menerima pelbagai anugerah selepas lulus cemerlang.

Semua anugerah disampaikan Pro Canselor, Tan Sri Dr Sulaiman Daud yang menggantikan Canselor UiTM, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang tidak dapat hadir.

Sulaiman, ketika membacakan ti-



IKTIRAF SUMBANGAN: Mohd Hassan (kiri) dianugerahkan Ijazah Doktor Tadbir-Urus Korporat oleh Sulaiman pada Konvokesyen UiTM di Shah Alam, semalam.

tah ucapan baginda berkata konvokesyen itu sangat bermakna bagi baginda dan warga UiTM kerana ia diadakan serentak perayaan ulang tahun ke-50 UiTM.

Titah baginda, pelajar UiTM kini mungkin tidak menyangka di sebalik pelbagai kelengkapan canggih yang dinikmati sekarang, ramai graduan terdahulu mengalami kesukaran.

BERNAMA

FAKTA NOMBOR

Konvokesyen UiTM

336

Penerima ijazah

65

Kali istiadat sudah berlangsung